

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGLIBATAN POLITIK DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(FACTORS THAT AFFECT POLITICAL ENGAGEMENT AMONG STUDENTS OF UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU)

ANUAR, N.¹ – LATIP, A. R. A.^{2*}

¹ *Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia.*

² *Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: rahmanlatip[at]umt.edu.my*

(Received 22nd December 2025; revised 20th March 2026; accepted 05th April 2026)

Abstrak. Penglibatan politik golongan belia sering dilaporkan berada pada tahap yang rendah, menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan proses demokrasi. Walau bagaimanapun, corak dan pemacu penglibatan ini dalam konteks institusi pengajian tinggi Malaysia masih kurang diterokai. Kajian kuantitatif ini bertujuan untuk menilai tahap dan mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Terengganu. Seramai 367 orang pelajar daripada tujuh program pengajian di bawah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial telah dipilih melalui persampelan rawak berstrata. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan politik yang tinggi dalam kalangan responden yang dipengaruhi oleh faktor minat terhadap politik, pengaruh keluarga, dan pendedahan melalui media sosial. Pengaruh keluarga muncul sebagai faktor yang paling dominan. Kajian ini menyimpulkan bahawa penglibatan politik belia dibentuk oleh interaksi faktor dalaman dan luaran. Implikasi kajian mencadangkan perlunya usaha bersepadu oleh pihak universiti dan pembuat dasar untuk memperkukuh pendidikan sivik, memanfaatkan media sosial secara strategik, dan menggalakkan dialog politik antara generasi bagi menyuburkan budaya keterlibatan demokratik dalam kalangan belia.

Katakunci: *penglibatan politik, belia, minat, keluarga, media sosial*

Abstract. Youth political engagement is often reported to be at a low level, raising concerns about the future of democratic processes. However, the patterns and drivers of this engagement within the Malaysian higher education context remain underexplored. This quantitative study aims to assess the level and identify the key factors influencing political engagement among students at Universiti Malaysia Terengganu. A total of 367 students from six study programs in the Faculty of Business, Economics, and Social Development were selected through stratified random sampling. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics. The findings reveal a high level of political engagement among respondents, influenced by factors such as interest in politics, family influence, and exposure through social media. Family influence emerged as the most dominant factor. The study concludes that youth political engagement is shaped by the interaction of internal and external factors. The implications suggest the need for concerted efforts by universities and policymakers to strengthen civic education, strategically leverage social media, and encourage intergenerational political dialogue to cultivate a culture of democratic involvement among youth.

Keywords: *political engagement, youth, interest, family, social media*

Pengenalan

Penglibatan politik belia semakin mendapat perhatian dalam wacana demokrasi moden. Di seluruh dunia, generasi muda dilihat kurang cenderung kepada bentuk penyertaan politik tradisional, namun semakin aktif dalam bentuk penyertaan alternatif seperti protes, petisyen dan kempen digital (Mohd Hed dan Grasso, 2019). Fenomena ini mencetuskan persoalan sama ada sistem politik sedia ada mampu menampung ekspresi politik generasi baharu serta sejauh mana suara anak muda benar-benar didengar dan diambil kira dalam proses pembuatan dasar. Di Malaysia, pengenalan dasar Undi 18 menjadi titik tolak penting dalam usaha melibatkan belia secara rasmi dalam proses demokrasi. Walaupun penyertaan secara teknikal diperluas, tahap penglibatan sebenar masih rendah. Ketidakyakinan terhadap institusi politik, kekecewaan terhadap prestasi wakil rakyat dan keraguan terhadap keberkesanan penyertaan menjadi antara penghalang utama. Kajian turut menunjukkan bahawa ramai belia tidak mempunyai akses maklumat yang jelas dan tepat berkaitan proses politik negara (Gill et al., 2012).


Media sosial pula telah mengubah cara belia berinteraksi dengan dunia politik. Aplikasi seperti TikTok dan Instagram memberi ruang kepada wacana politik yang lebih santai tetapi luas jangkauannya. Ia menjadi alat utama penyebaran mesej politik dan platform mobilisasi digital yang efektif. Ini menunjukkan bahawa politik dalam kalangan belia tidak mati, sebaliknya berubah bentuk sesuai dengan kehendak zaman dan medium yang lebih sesuai dengan gaya hidup mereka (Besar, 2020). Peranan institusi seperti keluarga juga tidak boleh diketepikan. Keluarga menjadi sumber utama sosialisasi awal yang membentuk sikap politik sejak kecil. Diskusi dalam kalangan ahli keluarga mampu mencorak kecenderungan dan keputusan politik belia, khususnya dalam suasana politik yang semakin kompleks. Pengaruh ibu bapa, secara langsung atau tidak langsung, boleh membentuk tahap keprihatinan, kefahaman dan kecenderungan ideologi dalam kalangan anak muda (Mamat dan Ramli, 2022). Maka, kajian ini bertujuan menilai tahap penglibatan politik mahasiswa serta meneliti secara empirikal pengaruh minat terhadap politik, pengaruh keluarga dan media sosial dalam mencorak keterlibatan tersebut dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu. Hasil kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami dinamika politik dalam kalangan belia serta membantu merangka dasar dan program pendidikan sivik yang lebih berkesan dan memberi impak tinggi.

Sorotan literatur

Tahap penglibatan politik dalam kalangan mahasiswa

Menurut Akta 668, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mentakrifkan belia sebagai individu berumur antara 15 hingga 40 tahun. Kajian oleh Ong (2020), menunjukkan bahawa perbezaan antara pengundi bandar dan luar bandar semakin mengecil apabila faktor demografi lain dikawal. Kajian ini yang menggunakan data Asian Barometer mendapati bahawa pengundi bandar dan luar bandar sebenarnya menunjukkan lebih banyak persamaan daripada perbezaan dalam tingkah laku politik. Sementara itu, Mohamad dan Othman (2020), pula menyatakan bahawa prestasi pemimpin politik merupakan faktor utama yang menentukan sejauh mana pengundi percaya dan terlibat dalam proses politik. Mereka meneliti lima aspek utama iaitu ekonomi, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan agama, dan mendapati bahawa prestasi positif dalam aspek-aspek ini meningkatkan sokongan politik. Harahap (2021), pula menekankan bahawa

penyertaan politik yang stabil dipengaruhi oleh kesedaran politik, rasionaliti, persepsi politik dan orientasi pilihan raya. Kajian Mohd Hed dan Grasso (2019), menyokong penemuan ini dengan menunjukkan bahawa golongan muda kurang aktif dalam politik konvensional berbanding golongan tua, tetapi terlibat secara setara dalam politik tidak konvensional. Akhir sekali, Besar et al. (2012), menekankan bahawa belia cenderung memilih calon yang mempunyai integriti, bebas rasuah dan berpendidikan tinggi, namun banyak juga yang mengambil keputusan untuk tidak mengundi, mencerminkan tahap penglibatan politik yang masih rendah dalam kalangan generasi muda (*Rajah 1*).



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian.

Pengaruh minat terhadap politik

Menurut Peterson et al. (2022), minat politik merupakan antara peramal utama penglibatan politik kerana ia dipengaruhi oleh faktor seperti pilihan raya presiden, parti pemerintah dan polarisasi elit. Walaupun kajian ini berasaskan sistem dua parti di Amerika Syarikat, ia memberikan gambaran tentang kepentingan minat politik dalam menentukan tahap penglibatan. Tambahan pula, Kamuli et al. (2023), dalam kajiannya di Universiti Negeri Gorontalo mendapati bahawa konflik parti politik memberi kesan besar terhadap minat dan sikap pengundi kali pertama, di mana separuh responden kehilangan minat untuk mengikuti perkembangan politik akibat ketidakstabilan politik yang berlaku. Kajian Larsen (2020), pula menekankan bahawa minat politik juga bergantung kepada faktor personaliti dan konteks persekitaran, termasuk peristiwa luar jangka dan kempen pilihan raya. Hübert et al. (2023), turut menyatakan bahawa persepsi terhadap ketelusan dalam proses dasar awam turut mempengaruhi kepercayaan dan minat terhadap politik dalam kalangan masyarakat umum. Dalam konteks demokrasi langsung, kajian oleh Freitag dan Zumbunn (2024), menunjukkan bahawa kesan terhadap minat politik bergantung kepada ciri personaliti individu, khususnya neurotisme. Akhir sekali, Russo dan Stattin (2022), menegaskan bahawa remaja yang berminat terhadap politik cenderung membina persepsi interaksi politik yang lebih aktif bersama individu penting seperti ibu bapa, guru dan rakan sebaya, sekaligus membentuk pengalaman politik yang lebih bermakna walaupun tidak semestinya melibatkan penyertaan langsung dalam aktiviti politik.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh minat terhadap politik dengan penglibatan politik dalam kalangan belia.

Pengaruh keluarga

Menurut Zapko-Willmes dan Theocharis (2025), status sosioekonomi keluarga memberi kesan kepada penglibatan politik belia, terutamanya dalam konteks pilihan raya. Berdasarkan data keluarga kembar di Jerman, mereka mendapati bahawa hubungan ini turut dipengaruhi oleh minat politik, kebolehan kognitif dan keterbukaan pengalaman individu serta faktor genetik dan persekitaran yang dikongsi. Duran et al. (2024), pula mendapati bahawa dalam konteks keluarga perniagaan elit di Chile, ciri sosial seperti asal-usul tempatan, pegangan agama dan generasi keluarga lebih berperanan berbanding status ekonomi dalam menentukan penyertaan politik. Kajian oleh Weinschenk et al. (2021), yang meneliti pasangan kembar dari empat negara menunjukkan bahawa sikap politik dipengaruhi oleh gabungan faktor genetik dan sosialisasi awal dalam keluarga. Sementara itu, Janmaat dan Hoskins (2022), pula menekankan bahawa penglibatan politik ibu bapa memberi kesan kepada minat dan niat mengundi anak-anak semasa awal remaja, namun pengaruh tersebut berkurangan selepas umur 16 tahun. Kajian oleh Cornejo et al. (2021), pula menunjukkan bahawa perbualan politik dalam keluarga secara langsung mempengaruhi penyertaan anak-anak dalam tindakan politik, manakala kajian mendapati pengaruh keluarga merupakan faktor dominan dalam menentukan tingkah laku politik pengundi di kawasan luar bandar di Indonesia.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh keluarga dengan penglibatan politik dalam kalangan belia.

Pengaruh media sosial

Kajian Kofi Frimpong et al. (2022) meneliti pengaruh aktivis politik media sosial terhadap pola pengundian dan mendapati bahawa penggunaan media sosial memberi kesan signifikan terhadap perubahan tingkah laku pengundi. Kajian ini menekankan hubungan antara interaksi sosial digital dan kecenderungan politik, meskipun tidak membincangkan secara terperinci platform atau kandungan yang paling berkesan. Zulkifli et al. (2022), pula menunjukkan bahawa belia di Malaysia aktif menggunakan media baharu untuk tujuan politik dalam talian, meskipun hasilnya terbatas kepada lokaliti dan kelompok umur tertentu. JS et al. (2021) menyatakan bahawa media sosial berperanan penting dalam membentuk keputusan mengundi pengundi muda melalui interaksi langsung dengan pemimpin politik, namun impak jangka panjang tidak dikaji. Dalam konteks literasi media, Nazri dan Mustaffa (2024), menegaskan bahawa lokasi peribadi politik, struktur pengetahuan dan pemprosesan maklumat merupakan faktor utama kesiapsiagaan pengundi muda, walaupun kesan langsung media sosial terhadap pemahaman politik tidak dikupas secara khusus. Sementara itu, Allam et al. (2024), mendapati bahawa pengundi muda menunjukkan pengetahuan tinggi dalam demokrasi dan pilihan raya, tetapi kajian tidak membezakan antara maklumat dari media tradisional dan digital. Facebook dan WhatsApp memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan semasa pilihan raya kecil DUN Semenyih, meskipun tanpa perincian strategi kandungan yang digunakan. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa media sosial merupakan saluran utama maklumat politik bagi belia, tetapi keberkesanannya bergantung kepada literasi media dan konteks penggunaan.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh media sosial dengan penglibatan politik dalam kalangan belia.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan tinjauan secara deskriptif. Pendekatan ini dipilih bagi mendapatkan gambaran menyeluruh berkenaan tahap penglibatan politik serta faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Reka bentuk yang digunakan membolehkan proses pengumpulan data dijalankan secara tersusun serta membolehkan hasil kajian diguna pakai untuk mewakili populasi melalui sampel yang ditetapkan. Kajian ini menggunakan borang soal selidik berstruktur sebagai instrumen utama, yang dibina melalui penyesuaian daripada kajian-kajian lepas berkaitan penglibatan politik belia. Soal selidik ini dibahagikan kepada lima bahagian utama, iaitu Bahagian A yang merangkumi demografi responden, Bahagian B berkaitan tahap penglibatan politik, Bahagian C mengenai pengaruh minat terhadap politik, Bahagian D yang menilai pengaruh keluarga dan Bahagian E yang menumpukan kepada pengaruh media sosial. Pembahagian ini bertujuan untuk mendapatkan data yang komprehensif dan tersusun berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan politik belia. Dalam kajian ini, data diperolehi menerusi pendedaran borang soal selidik secara rawak berstrata kepada 367 responden yang terdiri daripada enam program di bawah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), Universiti Malaysia Terengganu, iaitu Sarjana Muda Perakaunan, Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi), Sarjana Muda Kaunseling, Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan, Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam), dan Sarjana Muda Kewangan. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 29. Bagi tujuan analisis, kaedah deskriptif digunakan untuk menunjukkan taburan kekerapan, peratus dan min bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat. Seterusnya, analisis inferensi seperti ujian regresi digunakan bagi menilai hubungan serta tahap pengaruh pemboleh ubah bebas iaitu pengaruh minat terhadap politik, pengaruh keluarga dan media sosial ke atas pemboleh ubah bersandar, iaitu penglibatan politik. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai secara empirikal sejauh mana faktor-faktor tersebut memberi kesan terhadap penglibatan politik dalam kalangan belia.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Latar belakang responden

Daripada 367 responden yang terlibat, majoritinya adalah perempuan (57.5%) dan berumur 22 tahun (31.3%). Responden terdiri daripada pelbagai kaum, namun Melayu merupakan kelompok paling dominan (76.3%). Dari segi program pengajian, kebanyakan responden mengikuti program Sarjana Muda Perakaunan (23.7%), manakala pelajar Tahun 1 merupakan kumpulan tahun pengajian terbesar (36.2%) (*Jadual 1*).

Jadual 1. Demografi responden.

Pembolehubah	Kategori	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	156	42.5
	Perempuan	211	57.5
Umur	20 Tahun ke bawah	19	5.2
	21 Tahun	106	28.9
	22 Tahun	115	31.3
	23 Tahun	99	27.0
	24 Tahun ke atas	28	7.6

Bangsa	Melayu	280	76.3
	India	30	8.2
	Cina	41	11.2
	Lain-lain	16	4.4
Program Pengajian	SM Perakaunan	87	23.7
	SM Pengurusan (Pemasaran)	62	16.9
	SM Ekonomi (Sumber Alam)	55	15.0
	SM Pengurusan (Pengajian Polisi)	60	16.3
	SM Pelancongan	41	11.2
	SM Kaunseling	50	13.6
Tahun Pengajian	SM Kewangan	12	3.3
	Tahun 1	133	36.2
	Tahun 2	93	25.3
	Tahun 3	110	30.0
	Tahun 4	31	8.4

Tahap penglibatan politik dalam kalangan belia

Bagi menilai tahap penglibatan politik dalam kalangan belia, kajian ini menggunakan enam soalan yang berkaitan dengan aktiviti politik seperti pendaftaran mengundi, pengalaman mengundi, penyertaan sebagai ahli dalam parti politik, kehadiran ke aktiviti yang dianjurkan oleh parti politik, kehadiran ke mesyuarat/ceramah tentang politik dan perhubungan dengan ahli politik. Berdasarkan *Jadual 2*, kebanyakan responden menyatakan mereka sudah mendaftar sebagai pengundi sebanyak 73.0% dan pernah mengundi sebanyak 77.9%. Selain itu, seramai 52.9% pernah menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh parti politik dan 51.0% pernah menghadiri mesyuarat atau ceramah berkaitan politik. Namun begitu, penyertaan dalam aktiviti yang lebih aktif seperti menjadi ahli parti politik iaitu sebanyak 35.1% serta menghubungi ahli politik sebanyak 40.3% masih berada pada tahap yang rendah. Seterusnya, *Jadual 3* menunjukkan skor min keseluruhan penglibatan politik ialah 1.45 dengan sisihan piawai 0.239, manakala skor maksimum ialah 2.00. Oleh kerana nilai min ini berada hampir kepada skor maksimum, kajian ini menilai bahawa tahap penglibatan politik belia secara keseluruhan adalah pada tahap yang memberangsangkan, sekali gus menunjukkan adanya kecenderungan yang tinggi dalam kalangan belia untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti politik.

Jadual 2. Taburan jawapan bagi setiap item tahap penglibatan politik (N = 367).

Item Soalan	Jawapan	M	SP	Bilangan	Peratus (%)
Saya telah berdaftar sebagai pengundi	Ya	1.27	0.44	268	73.0
	Tidak			99	27.0
Saya pernah mengundi	Ya	1.22	0.42	286	77.9
	Tidak			81	22.1
Saya merupakan ahli dalam sesebuah parti politik	Ya	1.65	0.49	129	35.1
	Tidak			238	64.9
Saya pernah menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh sesebuah parti politik	Ya	1.47	0.50	194	52.9
	Tidak			173	47.1
Saya pernah menghadiri mesyuarat/ceramah tentang politik	Ya	1.49	0.50	187	51.0
	Tidak			180	49.0
Saya pernah menghubungi ahli politik	Ya	1.60	0.49	148	40.3
	Tidak			219	59.7

Jadual 3. Statistik deskriptif skor tahap penglibatan politik.

Min skor maksimum	M	SP	Tahap
2	1.45	0.239	Tinggi

Faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan belia

Hipotesis 1 mencadangkan bahawa pengaruh minat terhadap politik mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan belia (*Jadual 4*). Analisis mendapati terdapat kesan

positif yang signifikan antara penglibatan politik dengan minat dalam kalangan belia dimana $\beta = 0.34$, $SE = 0.05$, $p < 0.001$, menunjukkan bahawa hipotesis 1 diterima. Hipotesis 2 mencadangkan bahawa pengaruh keluarga mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan belia. Analisis mendapati terdapat kesan positif yang signifikan antara penglibatan politik dengan keluarga dalam kalangan belia dimana $\beta = 0.40$, $SE = 0.05$, $p < 0.001$, menunjukkan bahawa hipotesis 2 diterima. Hipotesis 3 mencadangkan bahawa pengaruh media sosial mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan belia. Analisis mendapati terdapat kesan positif yang signifikan antara penglibatan politik dengan media sosial dalam kalangan belia dimana $\beta = 0.28$, $SE = 0.05$, $p < 0.001$, menunjukkan bahawa hipotesis 3 diterima.


Jadual 4. Ujian hipotesis.

Hipotesis	Hubungan Antara Pembolehubah	β	SE	P-Value	Hasil
H1	Pengaruh Minat Terhadap Politik \rightarrow Penglibatan Politik	0.34	0.048	0.001***	Diterima
H2	Pengaruh Keluarga \rightarrow Penglibatan Politik	0.40	0.047	0.001***	Diterima
H3	Pengaruh Media Sosial \rightarrow Penglibatan Politik	0.28	0.049	0.001***	Diterima

*Nota: n = 367 individu, ***p < 0.001 (tiga hala).*

Pernyataan masalah Faktor yang paling mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan belia

Bagi menjawab objektif ketiga kajian ini, iaitu untuk menganalisis faktor yang paling mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan belia, satu analisis regresi telah dijalankan yang melibatkan tiga pembolehubah bebas: minat, keluarga, dan media sosial. Hasil analisis menunjukkan bahawa faktor keluarga memberikan pengaruh paling dominan terhadap penglibatan politik belia berbanding dua faktor yang lain. Dapatan kajian membuktikan bahawa hubungan tersebut adalah signifikan secara statistik dengan nilai pekali regresi $\beta = 0.40$, sisihan piawai (SE) = 0.047 dan nilai signifikan $p < 0.001$. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi sokongan atau pengaruh daripada keluarga, maka semakin tinggi kecenderungan belia untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik seperti mengundi, menghadiri ceramah, atau menyertai organisasi politik. Oleh itu, hipotesis ini diterima dan dapat disimpulkan bahawa keluarga merupakan faktor paling dominan dalam mempengaruhi penglibatan politik dalam kalangan belia. Penemuan ini menegaskan bahawa peranan keluarga sebagai institusi sosial terawal yang membentuk nilai, kepercayaan, dan sikap politik amat penting dalam merangsang penyertaan aktif belia dalam proses demokrasi negara (*Rajah 2*).



Rajah 2. Model akhir.

Secara keseluruhan, tahap penglibatan politik belia adalah tinggi, dengan majoriti responden telah mendaftar dan pernah mengundi, serta aktif dalam aktiviti seperti menghadiri ceramah dan berhubung dengan ahli politik. Tiga faktor utama yang mempengaruhi penglibatan politik belia dikenal pasti iaitu pengaruh minat terhadap politik, pengaruh keluarga dan media sosial, dengan keluarga menjadi faktor paling dominan. Minat terhadap politik didapati mendorong belia untuk mengikuti isu semasa dan menyertai perbincangan politik. Ini selari dengan dapatan Peterson et al. (2022) serta Russo dan Stattin (2022), yang menekankan peranan minat dalam membentuk keterlibatan serta persepsi interaksi politik remaja. Pengaruh keluarga pula memainkan peranan utama, di mana responden cenderung merujuk ibu bapa dalam membuat keputusan politik. Dapatan ini menyokong kajian Zapko-Willmes dan Theocharis (2025) serta Cornejo et al. (2021) yang menekankan sosialisasi politik dalam keluarga sebagai faktor penting pembentukan sikap politik generasi muda. Bagi media sosial, dapatan menunjukkan pendedahan kepada maklumat politik di platform seperti TikTok dan Instagram memberi kesan kepada persepsi dan keputusan pengundian belia. Kajian ini selari dengan dapatan Mohd Hed dan Grasso (2019) serta Awang Besar et al. (2012) yang turut menekankan peranan besar media sosial dalam membentuk tingkah laku politik belia. Akhir sekali, dapatan mengesahkan bahawa keluarga merupakan faktor paling berpengaruh, menegaskan bahawa ibu bapa berperanan besar dalam membentuk sikap politik anak-anak. Ini seiring dengan kajian Weinschenk et al. (2021), yang menegaskan bahawa pengaruh keluarga melangkaui faktor maklumat dan menjadi asas utama sosialisasi politik remaja.

Kesimpulan

Fokus utama kajian ini adalah terhadap penglibatan politik pelajar Universiti Malaysia Terengganu, dengan memberi perhatian kepada tiga faktor utama iaitu pengaruh minat terhadap politik, pengaruh keluarga, dan media sosial. Dapatan menunjukkan tahap penglibatan politik belia adalah tinggi, disokong oleh kecenderungan mendaftar, mengundi dan melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan politik. Minat terhadap isu semasa mendorong keterlibatan, keluarga membentuk asas orientasi politik sejak awal, dan media sosial menjadi saluran utama maklumat serta membentuk pendirian. Hasil kajian ini memberikan gambaran bahawa penglibatan politik belia tidak hanya dipengaruhi oleh faktor individu tetapi juga konteks sosial dan teknologi. Ia menekankan kepentingan pendekatan yang lebih holistik dalam pendidikan sivik dan pembangunan dasar belia. Walau bagaimanapun, skop kajian ini hanya melibatkan pelajar daripada satu fakulti di Universiti Malaysia Terengganu dan menumpukan kepada tiga faktor sahaja. Oleh itu, penyelidikan lanjut disarankan untuk melibatkan populasi yang lebih meluas dan pemboleh ubah tambahan seperti pengaruh rakan sebaya dan faktor ekonomi.

Pihak universiti disarankan untuk memperkukuhkan pelaksanaan program pendidikan politik yang lebih interaktif dan relevan dengan konteks semasa. Di samping itu, kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) boleh memperluas kempen kesedaran melalui platform media sosial yang mesra belia bagi menarik minat golongan muda. Keluarga juga berperanan sebagai agen sosialisasi awal dengan menggalakkan perbincangan terbuka mengenai isu politik di rumah. Memahami serta memperkukuh faktor-faktor yang mendorong penglibatan politik dalam kalangan belia amat penting bagi melahirkan warganegara muda yang peka, aktif, dan bertanggungjawab dalam

sistem demokrasi Malaysia. Namun begitu, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan, antaranya melibatkan responden daripada satu fakulti sahaja di Universiti Malaysia Terengganu dan hanya meneliti tiga faktor terpilih. Oleh itu, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi pelajar universiti di Malaysia. Kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan pelajar daripada pelbagai institusi dan menambah lebih banyak pembolehubah bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penilai tanpa nama atas komen dan cadangan berharga mereka yang telah mempertingkatkan kualiti kajian ini. Kajian ini dibiayai sendiri dan dijalankan sebagai sebahagian daripada Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) bagi Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi).

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang terlibat dengan mana-mana pihak dalam pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

- [1] Allam, S.N.S., Mustaffa, N., Ali, M.N.S. (2024): Peranan media dalam membentuk struktur pengetahuan politik: Pengundi muda baharu di Malaysia. – *e-BANGI* 21(2): 139-152.
- [2] Besar, J.A. (2020): Persepsi terhadap penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun: Kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. – *Jurnal Wacana Sarjana* 4(3): 1-20.
- [3] Besar, J.A., Jali, M.F.M., Ibrahim, Y., Ismail, K.H., Sidek, A.H., Awal, N.A.H.M. (2012): Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar kerajaan Malaysia. – *Malaysian Journal of Youth Studies* 7(12): 136-156.
- [4] Cornejo, M., Rocha, C., Castro, D., Varela, M., Manzi, J., González, R., Jiménez-Moya, G., Carvacho, H., Álvarez, B., Valdenegro, D., Cheyre, M. (2021): The intergenerational transmission of participation in collective action: The role of conversation and political practices in the family. – *British Journal of Social Psychology* 60(1): 29-49.
- [5] Duran, P., Ortiz, M., Carney, M. (2024): More than money: political participation by elite business families. – *Entrepreneurship Theory and Practice* 48(6): 1495-1524.
- [6] Freitag, M., Zumbunn, A. (2024): Direct democracy and political interest. – *Politics* 44: 469-485.
- [7] Gill, S.S., Talib, A.T., Harun, M.R., Rosnon, M.R. (2012): Penglibatan dan pemilihan pemimpin politik dalam kalangan belia minoriti. – *Malaysian Journal of Youth Studies* 20p.
- [8] Harahap, H.I. (2021): The Driving Factor for Stability of Voter Turnout. – *Journal of Social and Political Sciences* 4(1): 82-92.
- [9] Hübert, R., Rezaee, J.K., Colner, J. (2023): Going into government: how hiring from special interests reduces their influence. – *American Journal of Political Science* 67(2): 485-498.
- [10] Janmaat, J.G., Hoskins, B. (2022): The changing impact of family background on political engagement during adolescence and early adulthood. – *Social Forces* 101(1): 227-251.

- [11] JS, R.K., Ghouse, S.M., Reddy, T.N. (2021): Influence of social media on voter behaviour. – *Asian Journal of Management* 12(4): 367-374.
- [12] Kamuli, S., Latare, S., Sahi, Y. (2023): Implikasi Konflik Partai Politik Terhadap Paradigma Pemilih Pemula Menjelang Pemilu 2024: Studi Pada Mahasiswa Universitas Negeri Gorontalo. – *JIM: Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pendidikan Sejarah* 8(3): 3158-3170.
- [13] Kofi Frimpong, A.N., Li, P., Nyame, G., Hossin, M.A. (2022): The impact of social media political activists on voting patterns. – *Political Behavior* 44(2): 599-652.
- [14] Larsen, E. (2020): Dynamic Political Interest. – *British Journal of Political Science* 52: 467-474.
- [15] Mamat, M., Ramli, R. (2022): Peranan Agen sosialisasi Ibumama. – *International Journal of Human and Technology Civilization* 7(1): 33-43.
- [16] Mohd Hed, N., Grasso, M.T. (2020): Age group differences in political activism in Malaysia. – *Journal of Youth Studies* 23(6): 765-779.
- [17] Mohamad, K.A., Othman, N. (2020): Political Trust and Political Leadership Legitimacy. – *Journal of Politics and Law*, 13(4): 126-133.
- [18] Nazri, N., Mustafa, N. (2024): Pengaruh literasi media dalam meningkatkan penyertaan politik pengundi muda semasa PRU 15. – *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 26(1): 33-58.
- [19] Ong, E. (2020): Urban versus Rural Voters in Malaysia. – *Contemporary Southeast Asia* 42: 28-57.
- [20] Peterson, D., Saunders, K., McClurg, S., Miller, J. (2022): Putting the Political in Political Interest. – *American Politics Research* 51: 510-524.
- [21] Russo, S., Stattin, H. (2022): Youth's own political interest. – *International Journal of Behavioral Development* 46(4): 297-307.
- [22] Weinschenk, A.C., Dawes, C.T., Oskarsson, S., Klemmensen, R., Nørgaard, A.S. (2021): The relationship between political attitudes and political participation: Evidence from monozygotic twins in the United States, Sweden, Germany, and Denmark. – *Electoral Studies* 69: 7p.
- [23] Zapko-Willmes, A., Theocharis, Y. (2025): Accounting for the association between socioeconomic status and youth political participation: A twin family study. – *Political Psychology* 46(1): 185-204.
- [24] Zulkifli, N.B., Omar, S.K., Johari, N.F., Hassan, M.S., Rosman, M.R.M. (2022): Pengaruh media baru dan penglibatan politik belia. – *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 2(2): 63-77.